# Secara Ringkas: Pernyataan Dasar Monetari (MPS) - Sept 2022




## Apakah keputusan BNM?

### BNM menaikkan OPR daripada 2.25% kepada 2.50%

- Ekonomi semakin kukuh
- Ekonomi tidak lagi perlukan bantuan yang besar seperti semasa pandemik

## Apakah perkembangan ekonomi terkini?

### Ekonomi Malaysia terus berkembang

- Rakyat semakin banyak mendapat pekerjaan lalu turut menyokong perbelanjaan isi rumah
- Projek berskala besar sedang berlangsung, yang meningkatkan aktiviti pelaburan
- Sempadan sudah dibuka semula yang menyebabkan aktiviti pelancongan semakin giat



**Harga semakin meningkat disebabkan faktor global** (contohnya harga minyak dan makanan yang tinggi) **serta perbelanjaan isi rumah dan perniagaan yang lebih kukuh**



## Apakah prospek ekonomi?

### Ekonomi akan terus berkembang

- Sebarang perubahan pada OPR akan bergantung pada kekukuhan ekonomi dan tahap tekanan harga
- Keadaan masih boleh berubah. Contohnya pertumbuhan global perlahan dan dasar dalam negeri bertukar... hal ini boleh memberikan kesan terhadap ekonomi

**Matlamat BNM adalah untuk memastikan inflasi kekal rendah dan stabil pada masa yang sama menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **MPS** dan **Soalan Lazim**

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA